

**KONOTASI ICERD DAN APLIKASINYA DALAM
KONTEKS KETUANAN MELAYUDALAM NEGARA
MALAYSIA¹**

Oleh: Dr. Akli bin Ahmad
**Kulliyah Syariah dan Undang-Undang,
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM
MUADZHAM SHAH, KUALA KETIL, BALING.**

¹Kertas ini dibentang di Seminar Syariah dan Undang-undang, Siri 2, Anjuran Kulliyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzham Shah (UniSHAMS), Kuala Ketil, Baling, Kedah, pada hari Khamis, pada tarikh / Mac 2019 Masehi. 14

ABSTRAK

ICERD satu istilah yang telah menggemparkan Malaysia pada penghujung tahun 2018. Ia telah menjadi fokus utama rakyat Malaysia khususnya orang-orang Melayu. Ia berkisar kepada hak keistimewaan tuan tanah kepada Malaysia yang dulu dikenali sebagai Tanah Melayu dan keberangkalan ia boleh menggugat kestabilan Islam sebagai agama persekutuan. Perkara ini timbul apabila ada cadangan dari pihak kerajaan supaya diterima ICERD sebagai suatu perukunan negara Malaysia di era moden dalam meraikan kepelbaagiaan agama, kaum dan etnik. Lagipun ianya adalah hasil keputusan peringkat antarabangsa di bawah naungan Perutubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Namun cadangan tersebut dibantah sekeras-kerasnya oleh pihak-pihak yang melihat kepada kelaziman ketuanan sesuatu kaum dalam sesebuah negara. Hal ini kerana prinsip ICERD mampu untuk menjadikan tuan tanah sebagai penumpang atau pendatang, atau ia mampu menyamaratakan hak setiap agama dalam sesebuah negara. Justeru, penulis melihat betapa perlu untuk dirungkai isu ini kerana ia boleh menjadi penyebab kepada muncul kemudharatan yang boleh menggugat akidah, syariah dan akhlak. Dalam kertas ini, penulis cuba untuk membincangkan mafhum ICERD dari sudut deklarasi antarabangsa. ICERD dari aspek dari ketuanan Melayu dan kaitan ICERD dengan Islam. Di samping itu, dinyatakan juga perbincangan berkaitan implikasi ratifikasi ICERD dalam konteks negara Malaysia. Apatah lagi kesannya terhadap pegangan akidah negara serta perlembagaannya yang telah meletakkan Islam sebagai agama persekutuan. Diharapkan kertas ini mampu memberi pandangan dan cadangan bagi memurnikan lagi isu berkaitan ICERD ini. Adakah ratifikasi ICERD memberi masalah yang lebih besar atau sebaliknya dalam konteks negara Malaysia. Pertimbangan syariah wajib didahulukan dalam menilai sejauhmana kesan raifikasinya terhadap kedaulatan Islam, ketuanan Melayu dan hak istimewa mereka. Di samping itu, asas paling penting untuk dilihat dengan lebih mendalam ialah semua perkara yang melibatkan agama Islam yang merupakan agama bagi persekutuan.

Mafhum ICERD

ICERD adalah singkatan daripada (*International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*) atau dalam Bahasa Melayunya, Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum. ICERD adalah salah satu konvensyen yang telah diperakukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 21 December 1965, dan dikuatkuasakan pada 4 Januari 1969. Kini ICERD telah pun berusia 50 tahun dari tarikh penguat-kuasaannya.

Tujuan ICERD ini dibuat adalah untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi kaum dan mempromosikan toleransi antara semua agama, bangsa dan kaum. Konvensyen ini juga memerlukan setiap pihak yang menjadi pihak kepada konvensyen ini untuk menggubal undang-undang berkaitan kebencian antara kaum dan menjadikan ianya sebagai satu tindakan jenayah.

Di dalam peradaban Islam, hak sama rata ini boleh diistilahkan sebagai “*al-Musaawaah*” atau “*sawasiyah*”. Ia sebagaimana yang disebut dalam sebuah kenyataan yang berbunyi:

يُولَدُ النَّاسُ أَحْرَارًا سَوَاسِيَةً

Maksudnya:

“*Dilahirkan manusia adalah bebas dan samarata*”

Negara Islam Dan Ratifikasi ICERD

Statistik terkini menunjukkan kira-kira 179 negara di dunia ini telah menanda-tangani atau meratifikasi (*accession*) kepada ICERD. Hanya kira-kira 14 negara sahaja lagi yang masih tidak berbuat apa-apa terhadap ICERD ini, antaranya, Sudan Selatan, Myanmar, Brunei, Malaysia, Samoa, Kiribati, Marshall Islands, Cook Islands, Micronesia, Tuvalu dan Vanuatu.

Banyak negara Islam yang telah menandatangani atau meratifikasi kepada ICERD seperti Afghanistan, Bahrain, Bangladesh, Qatar, Arab Saudi, Mesir, Iran, Iraq, Indonesia, Kazakhstan, Jordan, Kuwait, Oman, Pakistan, Turki dan Tunisia.

Persoalan yang ditimbulkan ialah, apabila kebanyakan negara Islam menerima ICERD, adakah ia akan mengundang berlakunya kemudharatan terhadap Islam atau rakyatnya yang mana majoriti mereka adalah muslim. Hal ini kerana ICERD memprjuangkan hak samarata bagi setiap rakyat tanpa dibezakan sekalipun agama mereka adalah berbeza. Dengan pemerhatian yang melihat kepada segenap aspek, dapat disimpulkan bahawa penerimaan ICERD bagi negara-negara tersebut tidak akan memudharatkan Islam kerana kesemua rakyatnya atau majoriti mereka adalah muslim. Justeru jika diterima ICERD sekalipun ia masih dalam dalam kerangka perkongsian sama rata untuk Islam dan orang-orang Islam. Jika dilihat dari sudut ketuanan bangsa mereka, ia tidak menimbulkan sebarang pengambilan hak tuan asal, kerana ia didiami oleh 100 peratus warga tempatan atau majoriti mereka adalah warga tempatan. Justeru tiada berlaku unsur-unsur mengambil hak orang lain untuk diberikan kepada pihak lain. Bahkan jika ada perbezaan agihan hak, ia tetap berlaku antara-antara tuan hak yang asal.

Kerajaan Malaysia Dan ICERD

Kerajaan Malaysia yang mempunyai kepelbagaian bangsa dan etnik tidak terlepas dari terkena biasan ratifikasi ICERD. Apatah lagi dalam kelompok masyarakatnya, ada bangsa asal dan ada bangsa yang datang kemudian.

Justeru, dengan pendirian oleh pihak kerajaan dan pembangkang, sesetengah pemerhati politik merumuskan bahawa kerajaan Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang tidak menghormati kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa sekarang pelabur asing bukan setakat ingin berdagang dengan sesuatu negara, tetapi mereka juga memberikan perhatian sama ada negara itu mempunyai prinsip-prinsip demokrasi yang teguh dan menghormati hak asasi.

Bagi mereka, sesuatu negara yang bertamadun pastinya akan menjaga hak asasi bukan sahaja hak asasi warganegara yang tinggal di negara berkenaan malah juga hak asasi mereka yang datang berdagang dengan negara berkenaan. Malah pada ketika ini, sudah ada tema yang dbincangkan di peringkat antarabangsa mengenai perdagangan dan hak asasi manusia “*business and human rights*”.

Menteri Luar Negeri juga ada menyatakan bahawa beliau menginginkan Malaysia memainkan peranan lebih aktif (*active player*) di peringkat antarabangsa dalam isu-isu berkaitan hak asasi manusia. Jika Malaysia tidak menjadi pihak kepada konvensyen antarabangsa ini maka bagaimanakah masyarakat antarabangsa memandang Malaysia jika Malaysia cuba bercakap isu hak asasi. Akhirnya, Malaysia hanya akan menjadi jaguh kampung sahaja¹.

Selain itu jika Malaysia meratifikasikan konvensyen antarabangsa ini, ia sudah semestinya perlu mematuhi prosedur ratifikasi seperti menyediakan laporan kepada PBB bagi tempoh tertentu secara berkala kerana PBB akan memantau sejauh manakah Malaysia telah bertindak untuk mematuhi konvensyen yang telah ditandatangani atau diratifikasi itu. Sekiranya pemantauan mendapati Malaysia tidak mematuhi tuntutan lazim ICERD, sudah pasti akan nada teguran dan penegasan terhadap pelaksanaannya. Di sinilah akan timbul beberapa isu berbangkit samada dari segi agama, bangsa, bahasa dan ketuanan Melayu dan sebagainya yang boleh menggugat kestabilan politik negara.

Bagi penulis, isu ratifikasi ICERD harus dilihat dari segi geo-politik sesebuah negara yang sememangnya berbeza latar belakang dengan negara lain dari sudut bangsa, agama dan bahasa. Penulis yakin bahawa setiap negara yang menerima ICERD, sudah pasti ia telah mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan kesan dan implikasinya terhadap negara. Aspek terpenting sebagai mekanisma mengukur implikasi ratifikasi ICERD ialah tentang ketuanan warga asal, agama dan sosio budaya. Ini kerana konsep samarata yang diwarwarkan dalam ICERD janganlah sampai menyamakan secara mutlak antara perkara-perkara tersebut.

Ketuanan Melayu Dan ICERD

Istilah ketuanan Melayu bukan sesuatu yang asing dalam perbahasan berkaitan ICERD kerana ia sebahagian daripada maksud menyamaratakan hak semua bangsa, agama, bahasa dan budaya. Ketuanan Melayu bukanlah bermaksud semua melayu adalah tuan, tetapi ia lebih kepada ketuanan mereka dari sudut mereka adalah bangsa yang pertama membuka tanah Melayu sebelum ia dibuka oleh mana-mana bangsa atau individu. Sejarah pembukaan Tanah Melayu amat penting untuk diselidiki dan dikaji dengan lebih mendalam berkaitan pemilikan Tanah Melayu. Umum sedia maklum bahawa pemilikan tanah usaha adalah menjadi milik kepada orang yang terawal membuka tanah tersebut. Dalam istilah sesetengah komuniti, ia disebut sebagai *bugar* atau teroka tanah. Mungkin lebih hampir sebagai contoh untuk menunjukkan maksud ini ialah, projek kendalian FELDA yang mana dalam program tersebut para peneroka akan memiliki tanah yang diusahakan dengan nisbah keluasan tanah tertentu.

Manakala dari aspek ketuanan Melayu, ia harus dilihat adakah mereka adalah bangsa yang pertama meneroka tanah tersebut ataupun bangsa lain. Sekiranya diakui mereka sebagai yang orang terawal mendatangi dan menduduki Tanah Melayu, maka mereka boleh diiktiraf sebagai Tuan bagi Tanah Melayu. Rentetan daripada ini, mana-mana bangsa yang datang selepas mereka setelah dibugar mana-mana bahagian tanah mereka tidak boleh dianggap sebagai tuan tanah secara hakiki, tetapi sebagai pendatang atau penumpang yang tidak dianggap sebagai tuan secara bersama.

Menurut Dr. Zafarian Zainuddin, Melayu sebenarnya bukanlah satu bangsa yang hanya wujud di Malaysia tetapi orang Melayu telah wujud sekian lama di Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*). Kepulauan yang terletak di antara Lautan India dan Lautan Pasifik ini mengunjur sejauh 4,000 batu dari timur ke barat dan 1,300 batu dari utara ke selatan dan merupakan kepulauan yang terbesar di dunia.

Tambah beliau, Kepulauan Melayu dibentuk oleh beribu-ribu buah pulau kecil dan pulau-pulau besar seperti Borneo, Sumatera, Jawa, Sulawesi, Filipina dan termasuk juga Semenanjung Malaysia. Sebelum berlakunya banjir besar yang menenggelamkan Pentas Sunda dan tamadunnya lebih kurang 10,000 tahun yang lalu, kumpulan pulau yang terletak di atas Pentas Sunda dipercayai bersambung sebagai satu tanah besar yang memudahkan pergerakan dan interaksi manusia di atasnya.²

Katanya lagi, Analisis *filogenetik* menggunakan penanda SNPs (*Single Nucleotide Polymorphisms*) telah meletakkan Orang Asli Semang dan Orang Melayu pada cabang yang lebih awal berbanding populasi di Asia Timur yang secara langsung menunjukkan bahawa Orang Asli Semang dan

²Prof. Madya. Dr. Zafarina Zainuddin, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/dna-dan-asal-usul-melayu-511UMRrY> © Utusan Melayu (M) Bhd, 29 November 2015 M.

Melayu adalah satu populasi yang lebih "awal" berbanding populasi di China dan Taiwan.

Kajian serupa yang dilakukan ke atas 10 sub-etnik Melayu (Kelantan, Bugis, Banjar, Jawa, Aceh, Minang, Mendeleng, Rawa, Champa dan Pattani) menggunakan DNA *mitokondria* menunjukkan sejumlah orang Melayu juga mempunyai DNA *mitokondria* yang berusia hampir 60,000 tahun³ dan turut berkongsi *haplogroup* (kumpulan DNA *mitokondria*) yang sama dengan Orang Asli.

Penemuan ini membuktikan bahawa orang Melayu juga berasal daripada kumpulan manusia yang bergerak keluar dari benua Afrika lebih kurang 60,000-75,000 tahun dahulu yang kemudiannya menjadi penghuni terawal di Kepulauan Melayu. Kajian menggunakan pelbagai jenis penanda DNA telah membuktikan bahawa kesemua sub-etnik Melayu mempunyai persamaan genetik yang sangat tinggi.⁴

Orang Melayu merupakan penduduk asal Tanah Melayu yang dahulunya dikenali sebagai sebahagian Benua Sunda yang tenggelam pada akhir zaman ais, kira-kira 50,000 tahun lalu.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof. Datuk Seri Dr. Salleh Yaapar berkata, orang Melayu yang berhijrah ke daerah lain di kawasan Benua Sunda merupakan seorang perantau dan bukan pendatang kerana mereka bergerak dalam lingkungan kawasan sendiri.⁵

³Rujuk: Nur Haslindawaty Abd Rashid, tesis PhD, 2013, dari laman:

<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/dna-dan-asal-usul-melayu>, 29 Nov 2015.

⁴Rujuk: Edinur et al, 2009; NurWaliyuddin et al., 2014 M, dinaqalkan dari laman web:

<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/dna-dan-asal-usul-melayu>.

⁵Rujuk: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/orang-melayu-penduduk-asal>. © Utusan Melayu (M) Bhd. 8 Ogos 2016 M.

Katanya lagi:

*“Sebagai contoh, apabila Parameswara⁶ bergerak dari wilayah Palembang ke Singapura dan kemudian ke Melaka untuk membina empayar baharu, beliau bukan pendatang yang datang ke Melaka atau Semenanjung, sebaliknya seorang perantau yang bergerak di dalam wilayahnya sendiri. Malah, berdasarkan sejarah, orang Melayu di Tanah Melayu adalah mereka yang berasal dari zaman kerajaan Sriwijaya, iaitu semua daerah di bawah empayar itu mengakui diri mereka adalah orang Melayu, dan apabila orang Melayu ketika itu bergerak ke daerah lain, mereka bergerak di dalam kawasan rantainya sendiri yang dikenali sebagai Benua Sunda”.*⁷

Mohd Zulfahmi bin Md. Bahruddin, berdasarkan teori geologi, genetik, dan bahasa telah menjadi hujah kuat yang membuktikan bangsa Melayu adalah bangsa yang asli, awal dan merupakan penduduk asal di Alam Melayu ini. Tersebarinya bangsa Melayu jauh ke Madagascar di Afrika dan hingga ke selatan kepulauan Taiwan menunjukkan betapa besarnya pengaruh bangsa Melayu terhadap sejarah dan kebudayaan dunia. Kewujudan kerajaan-

⁶Parameswara I (1399-1401) merupakan seorang Raja Temasek yang berketurunan diraja Empayar Sampugita. Baginda memeluk agama Islam apabila berkahwin dengan Puteri Ratna anak Sultan Makhdum Alaidin Malik Muhammad Amin Syah II, Raja Perlak dan memeluk Islam dalam tahun 1414. Parameswara melarikan diri ke Semenanjung Melaka untuk mendirikan penempatan baharu. Di Muar, Parameswara berhasrat mendirikan penempatan di suatu kawasan bernama Biawak Busuk tetapi diganggu oleh biawak yang terlalu banyak jumlahnya. Selepas itu, baginda memilih Kota Burok untuk dijadikan kawasan pentadbirannya, namun gagal kerana kubu pertahanan yang cuba baginda dirikan runtuh serta-merta. Setelah mendapati Muar tidak sesuai, baginda membatalkan hasratnya dan meneruskan perjalanan ke utara. Baginda kemudian singgah di Sening Ujong (Sungai Ujong) dan melantik seorang menteri untuk mewakilinya di sana. Kemudian baginda tiba di pinggir muara Sungai Bertam (Sungai Melaka), dan disitu telah terdapat perkampungan Orang Laut atau nelayan dari puak kaum Seletar. Di sinilah baginda menetap.

Rujuk: <https://ms.wikipedia.org/wiki/Parameswara>

⁷ *op. cit.*

kerajaan Melayu yang dapat dikesan pada 500SM di Sungai Batu, Funan pada abad pertama masihi dan diikuti oleh puluhan hingga ratusan kerajaan-kerajaan Melayu yang lain telah membuktikan bahawa bangsa Melayu hidup dalam satu sistem pentadbiran yang teratur selama ribuan tahun di Alam Melayu. Ini sekaligus mampu menafikan dakwaan bahawa orang Melayu adalah pendatang di kawasan yang dikenali sebagai Tanah Melayu.⁸ Kesimpulannya, orang Melayu merupakan orang pertama yang membuka Tanah Melayu dan mereka adalah penduduk asal, penduduk tempatan dan pemili kepada Tanah Melayu. sekiranya keistimewaan ini tidak diberikan kepada mereka secara mutlak dan tidak dipertahankan dengan tegas, maka tidak mustahil suatu masa nanti akan berlaku krsis ketuanan Melayu sebagai pemilik asal kepada Tanah Melayu.

ICERD Dan Perlembagaan Negara

Sebagaimana sedia dimaklumi bahawa Malaysia mempunyai perlembagaan yang utuh demi memartabatkan negara, agama dan bangsa. Selain dinyatakan bahawa Islam adalah agama persekutuan, kedaulatan undang dan sebagainya, diperincikan juga beberapa akta yang menjaga hak keistimewaan orang Melayu yang diiktiraf sebagai bangsa pembuka Tanah Melayu dan tuan kepada tanah merdeka ini. Akta 153 dalam perlembagaan negara dinyatakan hak asasi orang melayu dan orang asal (bumiputera). Keistimewaan ini adalah meliputi pelbagai aspek sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan.

Sesungguhnya, Artikel 153 Perlembagaan Malaysia memberikan tanggungjawab kepada Yang di-Pertuan Agong (YDPA) menjaga kedudukan keistimewaan orang Melayu dan penduduk asal Malaysia, secara kumpulannya dirujuk sebagai Bumiputera. Artikel ini mengspesifikkan bagaimana kerajaan pusat melindungi kepentingan kumpulan-kumpulan ini dengan mendirikan kuota kemasukan ke dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan pendidikan awam. Ia juga biasanya dianggap sebagai sebahagian daripada kontrak sosial, dan biasanya dikatakan sebagai pertahanan legal bagi ketuanan Melayu.

Kehendak perlembagaan inilah yang menjadi isu terpenting dalam menerima ICERD untuk diratifikasikan kerana dasar hak samarata dalam tuntutananya dibimbangi boleh menggugat hak keistimewaan kaum bumiputera sebagai penduduk asal. Dan apa yang lebih membimbangkan

⁸ Mohd Zul Fahmi bin Md Bahrudin, Penyelidik IRIS Institute, <http://fokus.my/2018/08/01/bukti-bangsa-melayu-sebagai-penduduk-asal-tanah-melayu>.

ialah kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan yang mungkin tergugat dengan ratifikasi ICERD ini.

Islam, Pemilikan Tanah Dan ICERD

Bagi Malaysia, Islam merupakan agama rasmi bagi Persekutuan dan hak beragama lain telah menjadi kontrak sosial yang sudah mencukupi mengikut nalurinya. Umat Islam wajib menolak konsep liberal yang menyamakan semua agama, kerana sifat semua penganut agama wajib percaya bahawa agamanya sahaja yang benar, bukan dianggap agama yang dianutnya sama sahaja dengan agama lain. Maka perlu difahami perbezaan di antara menegakkan kebenaran terhadap agama masing-masing dan hak kebebasan menganut agama masing-masing.

Dari aspek pemilikan tanah kepada yang berhak, maka Islam adalah agama yang paling terkehadapan memperjuangkan hak asasi manusia berbanding agama-agama lain, secara prinsipnya supaya diberikan hak kepada yang berhak dan diambil hak dari orang yang tidak berhak. Justeru, antara mesej yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w bahawa, seseorang yang menerokai sebidang tanah kosong yang belum dimiliki oleh mana-mana pihak dengan cara mengairinya, bercucuk tanam dan memagarnya, maka tanah itu berhak menjadi miliknya. Secara umumnya al-Quran telah meletakkan panduan umum berkaitan pemilikan tanah.

هو الذي خلق لكم ما في الأرض جميعاً ثم استوى إلى السماء فسواهن سبع
سموات وهو بكل شيء عليم

Maksudnya:

“Dialah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak (menciptakan) langit, lalu dijadikan-Nya tujuh langit. dan Dia Maha mengetahui segala sesuatu”. (Al-Baqarah: 29).

Terdapat banyak hadis Nabi SAW berkaitan pemilikan tanah dengan kaedah penerokaan yang diriwayatkan daripada Baginda.

Antaranya ialah sabda Nabi Muhammad SAW:

مَنْ أَحْيَا أَرْضًا مَيْتَةً فَهِيَ لَهُ

Maksudnya:

“Barang siapa menghidupkan lahan mati (tidak bertuan), maka tanah tersebut menjadi miliknya.” (HR Al-Darimi, Al-Nasa’i, dan Al-Tirmidhi) dan Tirmidhi berkata, “Hadith ini adalah hadith hasan”.

Urwah ra Berkata:

“Bumi ini adalah milik Allah, dan semua manusia adalah hamba-Nya. Barang siapa menghidupkan tanah mati yang belum tergarap, maka ia berhak atas tanah tersebut. Orang-orang yang menyampaikan ajaran shalat kepada kita juga menyampaikan hadits dari Rasulullah saw. Beliau bersabda, ‘Barang siapa yang menghidupkan tanah mati, ia mendapatkan pahala karenanya. Dan setiap tanaman yang dimakan oleh hewan unggas, maka itu bernilai sedekah baginya.’” (HR Nasa’i Dan Ibnu Hibban)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Barangsiapa membuat dinding pembatas atas sebidang tanah, maka tanah tersebut adalah miliknya.” (HR Abu Dawud)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Barangsiapa terlebih dahulu melakukan sesuatu (membuka lahan baru) sebelum dilakukan orang lain, maka itu menjadi miliknya.’ Setelah Rasulullah SAW. meng-umumkan hal itu, semua orang beramai-ramai memagari tanah kosong yang belum dipagari orang lain.”

Rasulullah SAW bersabda lagi yang bermaksud:

“Ada dua orang lelaki mengajukan perkara kepada Rasulullah SAW tentang masalah tanah. Salah seorang dari mereka telah menanam kurma di atas tanah milik yang lain. Lalu Rasulullah s.a.w memutuskan bahwa tanah itu tetap milik yang memilikinya dan beliau menyuruh pemilik kurma itu untuk mencabut pohonnya. Beliau bersabda, ‘Tidak ada hak (hidup) bagi akar yang zalim.’” (HR Abu Dawud dan sanad hadith ini hasan).

Berdasarkan kepada hadis-hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa ketuanan Melayu di Tanah Melayu adalah bersifat syarie yang diizinkan oleh Islam. Ia bukan sesuatu yang menyanggahi hak, adat dan sebagainya. Ialah adalah memberikan hak kepada yang berhak secara adil. Prinsipnya ialah sesiapa yang meneroka mana-mana tanah terlebih dahulu, dia adalah penghulu. Justeru dalam konteks kesamarataan hak dari sudut pemilikan tanah samada sebagai tuan atau pendatang hendaklah dilihat dari aspek perspektif Islam kerana jika pendatang bertukar menjadi pemilik ia adalah sesuatu yang tidak adil bagi hak-hak asasi manusia yang diperjuangkan.

Boleh diringkaskan begini:

'Ketuanan Melayu di Tanah Melayu Bukan Kerana Namanya Melayu, Tetapi Ketuanan Di Tanah Melayu Kerana Melayu Yang Datang Dulu'

Kata-kata ini adalah bertepatan dengan kehendak undang-undang dan juga Islam. Justeru, sebagai tuan tanah hendaklah hak tersebut diberikan kepada mereka. Sebagai seorang muslim, mengambil hak orang lain secara tidak benar akan mewujudkan krisis pemilikan yang berpanjangan hingga ke akhirat kelak dan pasti akan dihukum di alam sana.

Pandangan Kerajaan Dan Ahli Politik Malaysia

Perbincangan mengenai ICERD yang merupakan dasar kepada PBB telah melibatkan

kan semua negara di seluruh dunia, maka Malaysia adalah termasuk dalam tuntutan pelaksanaan ICERD ini dan segala kehendaknya. Namun sehingga tarikh hari ini Malaysia belum secara rasmi memutuskan berbuat demikian sekalipun ada dalam kalangan pimpinan kerajaan yang mencadangkan ratifikasinya.

Pandangan Pihak Kerajaan

Secara umumnya, Kerajaan Malaysia memberi jaminan akan mengambil kira pandangan semua kaum sebelum ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana perkara ini amat sensitif kepada setiap kaum yang terdapat di negara ini.

Katanya *"Perkara ini bukan mudah bagi Malaysia kerana di Malaysia terdapat pelbagai kaum, masing-masing sensitif terhadap perkara-perkara tertentu"*.⁹ Tambahnya, pelaksanaan ICERD memerlukan Perlembagaan Persekutuan untuk digubal semula.

"Untuk menggubal semula Perlembagaan Persekutuan, ia memerlukan dua pertiga majoriti Parlimen," katanya lagi kepada media selepas penutupan Mesyuarat Pemimpin-

⁹ <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/ratifikasi-icerd-kerajaan-ambil-kira-pandangan-semua>, 31 Oktober 2018.

Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) Ke-26 di Papua New Guinea.¹⁰

Datuk Saifuddin bin Abdullah, Menteri Luar Negeri telah menyatakan komitmen kerajaan untuk meratifikasi 6 konvensyen teras ini. Komitmen itu diberikan sebagai langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang dikatakan sebagai “*human rights-friendly nation*” atau negara yang dikatakan sebagai mesra hak asasi. Langkah ini dibuat kerana Malaysia pada ketika ini telah dinilai sebagai negara yang mempunyai rekod hak asasi yang tidak memuaskan kerana terlalu dikawal oleh bidang kehakiman dan pelaksanaan undang-undang yang keterlaluan oleh pihak penguatkuasa undang-undang.

Lebih keras berbanding kenyataan di atas, Pengerusi HINDRAF Waytha Moorthy yang merupakan Menteri Perpaduan Nasional, menyatakan pendiriannya untuk kerajaan menerima ICERD untuk diratifikasikan kerana ia boleh membina perpaduan kaum dalam negara dengan lebih berkesan. Pendapat beliau juga dipersetujui oleh Tommy Thomas, Peguam Negara dan beberapa tokoh lain dari parti DAP dan sebahagian ahli parti Amanah Negara (PAN).¹¹

Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan adalah sesuatu yang wajar bagi kerajaan menangguhkan ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Menurut beliau lagi, walaupun secara asasnya Malaysia mendokong prinsip menegakkan keadilan dan menolak diskriminasi namun ia menimbulkan keraguan dalam kalangan masyarakat.¹²

Namun pada 24 November 2019, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tidak ada keperluan untuk membawa keputusan kerajaan tidak meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) yang dipersetujui di Kabinet ke dalam penyata rasmi harian (*hansard*) Parlimen. Perdana Menteri itu berkata, perkara itu sudah diputuskan sebulat suara di Kabinet sebelum ini dengan mengambilkira bantahan daripada rakyat.

Pandangan Pihak Pembangkang

Pihak pembangkang juga memainkan peranan penting dalam perbincangan kerajaan berkaitan hak yang meliputi perlembagaan negara dan dan

¹⁰ <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/11/396368/mustahil-laksana-icerd-pm-metrotv>. 3 Julai 2018.

¹¹ <http://tunabdulhamid.me/2018/11/kesan-pengesahan-icerd>.

¹² Astro Awani, 16 November, 2018, 06:00.

ratifikasi ICERD. Ramai tokoh pembangkang menyuarakan pandangan berkaitan isu ini.

Berkata Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, Ahli Parlimen Marang:

“Adapun kepada kita, adalah menjadi keyakinan bahawa mengiktiraf ICERD laksana menebuk lubang dinding rumah kita bagi memberi laluan kepada nyamuk aedes masuk ke dalam rumah kerana hanya melihat pembiakannya daripada air yang bersih, tanpa menyedari terhadap bahayanya yang boleh membawa maut”.

Katanya lagi, ini bukan sekadar menyelamatkan rumah yang kecil, tetapi menyelamatkan kedaulatan umat dan negara. Anggaphlah mereka daripada kalangan yang membawa dan memperjuangkannya adalah petualang yang wajib disanggah dan ditentang.

Beliau menyifatkan ICERD adalah agenda *Freemason* yang bertujuan merosakkan agama, bangsa dan negara khasnya negara Islam.

Cadangan Dan Resolusi

Menerima ICERD dalam konteks negara Malaysia diakui ada baik dan buruknya. Namun pihak kerajaan mestilah mengambil pandangan semua pihak berkaitan perkara ini. Bukan hanya dilihat dari aspek hak samarata dan hak asasi, kebebasan bersuara, pemilikan tanah sahaja. Tetapi yang lebih penting ialah sejauhmana kesan ratifikasinya terhadap agama serta pengamalannya, undang-undang dan kelansungan ketuanan Melayu di bumi Malaysia sebagaimana yang diamalkan perkara tersebut secara lazim di seluruh dunia. Antara tokoh yang menentang ratifikasi ICERD ialah Tun Abdul Hamid Mohammad, mantan Ketua Hakim Negara kelima, Prof Shamrahayu Abdul Aziz dan lain-lain.¹³ Penulis sependapat dengan

¹³<http://tunabdulhamid.me/2018/11/kesan-pengesahan-icerd>

beberapa tokoh akademik dalam negara yang memberikan pandangan secara profesional dan rasional dan disimpulkan pandangan mereka kepada beberapa resolusi seperti berikut.¹⁴

- Tidak perlu tandatangani ICERD dan hanya perlu cukup dengan wujudkan konvensi yang hampir sama dengan ICERD di peringkat OIC namun lebih mesra variasi agama, bangsa dan hak sesebuah negara.
- Tidak perlu tandatangani ICERD dan hanya cukup dengan menambahkan lagi liputan dan hebahan antarabangsa dengan undang-undang tempatan yang digubal bagi menggungguli hak asasi dalam negara.
- Jika terpaksa menandatangani juga, cukup sekadar bersetuju untuk *accession* sahaja beserta dengan *reservation* iaitu peringkat paling awal yang bersifat semakan keserasian negara dengan ICERD itu (peringkat ini boleh mengambil masa 20 ke 30 tahun atau lebih sebenarnya) dan bukan persetujuan ratifikasi yang lebih mengikat atau lebih menjemput tekanan lobi antarabangsa.
- Tidak boleh dinafikan bahawa ICERD memang baik untuk mana-mana golongan minoriti dalam mana-mana negara, kerana dengannya mereka boleh menuntut lebih kesaksamaan layanan dalam semua aspek. Namun tidak pelik juga golongan asal atau majoriti akan merasa tidak selesa kerana tuntutan kesamarataan tanpa had, bakal menghilangkan keistimewaan mereka termasuk hal agama jika tidak diletakkan dalam *affirmative reservation*.

Sesungguhnya Islam dalam hal ini memang mengungguli dalam lapangan hak asasi manusia namun neraca hak asasi dan keadilan yang dipakai oleh agama Islam ada perbezaannya dalam beberapa hal dengan hak asasi yang didasari logika semata-mata.

¹⁴ <https://malaysiadateline.com/icerd-pertimbangan-baik-buruk-dan-pandangan>

Rujukan

Al-Qur'an

Muhammad bin Isa, *Sunan al-Tirmidhi*, Dar Ihya Al-Turath Al-Arabiy, tahqiq Muhammad Ahmad Shakir. (*Maktabah Shamilah*).

Sulaiman bin Al-Ah'ath, *Sunan Abi Daud*, Dar al-Kitab Al-Arabiy, tanpa tahun. (*Maktabah Syamilah*).

Muhammad bin Hibban bin Muhammad, *Sahih Ibnu Hibban*, Muassah al-Risalah, Beirut. (*Maktabah Syamilah*).

Ahmad bin Shuaib Abu Abdul Rahman, *Sunan an-Nasai*, Dar al-Kutub al-Ilmiah, 1991 M, 1441 H. (*Maktabah Syamilah*).

Abdullah bin Abdul Rahman Muhammad Al-Darimi, *Sunan Al-Darimi*, Dar al-Kutub Al-Arabiy, Beirut, 1417H. (*Maktabah Syamilah*).

Perlembagaan Negara, Akta 153.

Prof. Madya. Dr. Zafarina Zainuddin.

<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/dna-dan-asal-usul-melayu->
©Utusan Melayu (M) Bhd, 29 November 2015 M.

Nur Haslindawaty Abd Rashid, tesis PhD, 2013, dari laman:
<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/dna-dan-asal-usul-melayu>, 29
Nov 2015.

Edinur et al, 2009; NurWaliyuddin et al., 2014 M, dinaqalkan dari laman
web: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/dna-dan-asal-usul-melayu>.
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/orang-melayu-penduduk-asal>. ©
Utusan Melayu (M) Bhd. 8 Ogos 2016 M.

Rujuk: <https://ms.wikipedia.org/wiki/Parameswara>

Mohd Zul Fahmi bin Md Bahrudin, Penyelidik IRIS Institute,
<http://fokus.my/2018/08/01/bukti-bangsa-melayu-sebagai-penduduk-asal-tanah-melayu>.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/ratifikasi-icerd-kembali-pandangan-semua>, 31 Oktober 2018.

Astro Awani, 16 November, 2018.

<http://malysiadateline.com>

<http://tunabdulhamid.me/2018/11/kesan-pengesahan-icerd>.
